SUARA BANDARAYA

JULAI 1991 ISSN 0128 - 1194



# Konsert Di Raja GEMILANG

Persembahan Konsert Di Raja sempena Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong IX, Sultan Azlan Shah berjaya memukau ribuan para jemputan di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra baru-baru ini.

Persembahan Orkestra Kuala Lumpur di bawah pimpinan Konduktor yang diundang khas dari Austria, Professor Wolfgang Podushka membawakan lagu-lagu klasik yang popular antara tahun 1940 an hingga 1970 an.

Orkestra Kuala Lumpur yang telah ditubuhkan dua setengah tahun dulu dengan 50 pemuzik digabungkan dengan 12 pemuzik undangan dari Austria dan Korea iaitu Hae Young Zainal Kim, Wolfgang Prochaska, Alfred

berita selanjutnya di muka tengah



# KANDUNGAN

**SUARA BANDARAYA ■ JULAI 1991**


- KONSERT DIRAJA GEMILANG
- KUALA LUMPUR CANGGIH TAHUN 2020 — 1
- EDITORIAL DAN ISI KANDUNGAN — 2
- DARI MEJA DATUK BANDAR — 3
- BINA HENTIAN RAYA NASIONAL — 4
- BANDAR TASIK SELATAN PERSEKITARAN HEBAT — 5
- KUALA LUMPUR BUKAN TOKYO — 6
- $ 5,100 BANTU MANGSA KEBAKARAN — 7
- PADANG GOLF $ 6.9 JUTA DI BANDAR TUN RAZAK — 8
- MENARA 75 TNGKAT SIAP TAHUN 2000 — 9
- DBKL AMBIL ALIH URUSAN PASAR MALAM — 10
- KAKITANGAN MESTI PRIHATIN IMEJ DBKL — 11
- ALBUM BANDARAYA — 12
- SEDIA TERIMA TEGURAN — 13
- PENGUCAPAN PUISI BERI RUANG KEPADA PENYAIR
- KONSERT DIRAJA GEMILANG — 14/15
- LAWATAN KE AUSTRALIA BERJAYSA — 16
- ALBUM BANDARAYA — 17
- KESIHATAN - U.R.T.I — 18
- AL-QURAN DAN TUNTUTANNYA — 19
- ASTON VILLA BIMBING KUALA LUMPUR — 20
- CAWANGAN SETAPAK PINDAH KE JALAN GOMBAK — 21
- KURSUS PENGENALAN KAUNSELING — 22
- BRASSBAND DIREKTORAT MENGHIBUR SAMBIL MENDERMA — 23
- KURSUS KEMAHIRAN ETIKET — 24
- MALAM IKATAN LUCU DAN MERIAH — 25
- DBKL JUARA SINGAPORE OPEN RELAY CHAMPIONSHIP — 27
- KUALA LUMPUR CANGGIH TAHUN 2020 — 28


## EDITORIAL


**PENASIHAT**
Izman B. Hj. Ismail

**EDITOR**
Zanna Ahmad Osman

**PENOLONG EDITOR**
Mohamed Hashim Hj. Mohd Ali
Francine Louis

**JURUFOTO**
Mubarak Mohd. Atan
Abd. Rani Mohd. Sohor

**PEMBERITA**
Wan Abdullah Wan Abd. Ghani


**SUMBANGAN**

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada :


**EDITOR**
SUARA BANDARAYA
Bahagian Pentadbiran dan
Hal Ehwal Awam,
Urusetia Bandaraya, Tingkat 5,
Bangunan Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Telefon : 2916011
Sambungan 147/432/122


**PERHATIAN**

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur


DESIGN & LAYOUT
Design Image Advertising & Promotions Sdn. Bhd.



KOLEKSI DIGITAL PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR

## *Dari Meja*
## From the Desk of
# DATUK BANDAR



Kuala Lumpur tahun 1970 an mengalami banyak masalah, terutamanya kesesakan penduduk, sistem jalan raya yang tidak sempurna, kawasan setinggan bertambah, tanah terbiar dan pelbagai masalah fizikal yang ketara.

Saya ingin menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya model abad ke-21 di segi perancangan, pengindahan atau kebersihan. Kuala Lumpur harus menunjukkan keindahan semulajadi dan harus menjadi tempat tinggal yang selesa untuk penduduknya.

Kuala Lumpur tidak boleh jadi kota pejabat semata-mata. Pada masa yang sama ia harus menjadi kota kediaman. Kuala Lumpur harus mengelakkan diri daripada dihinggapi penyakit kota Dunia Ketiga.

Saya berpendapat, pembangunan Kuala Lumpur harus berlaku di semua kawasan bukan hanya di pusat bandaraya. Dengan kata lain, Kuala Lumpur harus berfungsi sebagai satu sistem sinergistik dalam menjadi-kannya bandaraya contoh di dunia.

Sebelum 1981, Kuala Lumpur seakan-akan tidak teratur. Pertumbuhan penduduk yang pesat memerlukan kemudahan tempat tinggal. Lebih malang lagi, kemudahan yang ada ketika itu tidak mencukupi.

Pembangunan ketika itu berbentuk 'ad-hoc', berselerak dan banyak tanah terbiar tidak dimajukan. Untuk itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkenalkan Pelan Struktur Kuala Lumpur bagi pembangunan yang lebih sistematik.

Kesesakan lalulintas pula seolah-olah sudah menjadi fenomena yang tidak dapat dielakkan. Ini disebabkan peningkatan jumlah bilangan kenderaan pada kadar 6.4 peratus setahun.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil langkah tertentu untuk mengurangkan masalah ini seperti melaksanakan satu sistem yang moden yang akan dimulakan tidak lama lagi, persimpangan bertingkat untuk menggantikan bulatan dan sistem bas bersepadu antara syarikat bas yang beroperasi di Kuala Lumpur.

*Ten years ago, Kuala Lumpur faced rapid population growth that had created housing shortages and strained existing facilities.*

*The city faced numerous problems such as overcrowding, inadequate roads, mushrooming squatter colonies, a dying city centre and idle plots of land everywhere. Development was ad-hoc, scattered and not properly planned.*

*To overcome this, City Hall introduced the Kuala Lumpur Structural Plan to provide for a more efficient and systematic development.*

*Traffic congestion, however, has become a seemingly endless problem, fuelled by the annual 6.4 percent increase in the number of vehicles on the road.*

*City Hall is taking various measures. To ease the situation, a modern and better developed transport system will be inplemented soon.*

*Other steps include the replacement ith multi-level interchanges and the introduction of an intergrated bus service.*

*I would like to turn Kuala Lumpur into a model city of the 21st century in terms of planning, beautification and cleanliness. Kuala Lumpur should highlight its natural beauty, as it would be a comfortable place to live in.*

*Kuala Lumpur should not become a city of offices only. It should also be a place to live in. We should avoid the urban plight of Third World Cities.*

*I feel all areas of Kuala Lumpur should be developed, not just the city centre. There should be a synergistic system in order to turn it into a model city the world.*

# KUALA LUMPUR CANGGIH TAHUN 2020

Kuala Lumpur akan menjadi bandaraya canggih menjelang tahun 2020 dalam semua aspek kehidupan sosial, ekonomi, politik, semangat dan budaya.

Wargakota dapat menikmati hidup yang berkualiti, selesa, sempurna, suasana aman damai, bandaraya teratur, bersih, hijau dan indah di samping kemudahan sistem pengangkutan yang moden.

Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian di sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Khas Pembangunan Kuala Lumpur di DBKL baru-baru ini. Katanya, apabila sistem pengangkutan awam yang moden itu dilaksanakan, masalah kesesakan jalan raya akan dapat diatasi.

Beliau berkata, kerajaan sedang mengkaji buruk baik pelaksanaan sistem zon terhad kepada kenderaan yang memasuki pusat bandar dan bertujuan menghadkan bilangan kereta memasuki kawasan ini dengan dikenakan bayaran tol.

Perdana Menteri juga turut melahirkan perasaan kesal terhadap sikap negatif segelintir wartawan yang memutarbelitkan projek-projek yang dilaksanakan oleh DBKL.

"Contohnya, pembinaan kondominium diluluskan kerana Kuala Lumpur kekurangan tanah untuk kawasan perumahan dan tindakan DBKL merobohkan rumah setinggan

bersambung di m.s. 28

## RESTRICTED ZONE SYSTEM
## UNDER STUDY

*The Government is studying the pros and cons of implementing a restricted zone system in the city centre, to ease traffic congestion and jams in Kuala Lumpur.*

*Prime Minister Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad disclosed this at a press conference after chairing the first meeting of the Special Committee on the Development of Kuala Lumpur at City Hall recently.*

*He said the system would restrict the number of vehicles in the city centre with a toll being levied on those entering the restricted zone.*

*Dato' Seri Dr. Mahathir envisioned that by the year 2020 Kuala*

continue page 11